Cawangan Pulau Pinang
Kampus Bertam

TEKS UCAPAN

YANG BERUSAHA

Ts Dr MOHAMAD AZHAR MOHD NOOR

PENOLONG REKTOR

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PULAU PINANG KAMPUS BERTAM

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN “UNI-CADE: WHERE THE STRATEGY TURNS INTO VICTORY”

DI

MEDAN SELERA KOLEJ AZ-ZAHRAWI

PADA

17 JANUARI 2026 (SABTU) BERSAMAAN

27 REJAB 1447H

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمـــنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ وَعَلَى ءَالِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

TERIMA KASIH PENGACARA MAJLIS

1. **Yang Berusaha Puan Nur Ainul Shuhada binti Mokhtar**
Penasihat
Kelab Environmental Health Students Association (EHSAn)

2. **Yang Berusaha Dr Siti Nurshahida Nazli, Encik Ooi Yong Shen**
Pensyarah Program Diploma Kesihatan Persekitaran

3. **Yang Berusaha Adzryana Myrza binti Muhammad Adziim**
Pengarah Program UNI-CADE: Where The Strategy Turns Into Victory

4. **Seterusnya Ahli Jawatankuasa Penganjur, Para Peserta serta Semua Para Pelajar Yang Dikasihi Sekalian.**

Assalamualaikum w.r.t.
Salam Malaysia Madani
Salam UiTM Di Hatiku

اللهم صل على محمد وعلى آل محمد
كما صليت على إبراهيم وعلى آل إبراهيم
وبارك على سيدنا محمد وعلى آل محمد
كما باركت على آل إبراهيم إنك حميد مجيد

PENDAHULUAN

1. **Alhamdulillah,** setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan izin-Nya, kita telah berjaya melaksanakan ***Program UNI-CADE: Where The Strategy Turns Into Victory*** dengan lancar dan penuh bermakna. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi **tahniah dan penghargaan** kepada **pihak penganjur, jawatankuasa pelaksana** serta semua yang terlibat atas **komitmen, disiplin dan kerjasama** yang telah ditunjukkan sepanjang penganjuran program ini.
2. Program ini telah membuktikan bahawa pembelajaran tidak hanya berlaku di dalam bilik kuliah, sebaliknya turut terbentuk melalui **pengalaman, cabaran dan interaksi sosial**. Melalui aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan seperti ***Seat Dash, Chamcham Hop, Stretch or Spill, Bounce Blitz, Who's That Pokémon dan Cup Titans***, para peserta bukan sahaja mencabar keupayaan diri, malah belajar mengurus emosi, mengawal tekanan, berkomunikasi secara berkesan dan menyusun strategi dengan lebih sistematik. Inilah bentuk pembelajaran berasaskan pengalaman yang sangat bernilai dalam pembangunan sahsiah dan jati diri mahasiswa.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

3. Dalam landskap pendidikan tinggi masa kini, pembangunan mahasiswa tidak lagi tertumpu kepada pencapaian akademik semata-mata, sebaliknya melibatkan pembentukan kemahiran **insaniah, kepimpinan, kebolehpasaran graduan, daya tahan**

mental serta keupayaan bekerja dalam persekitaran yang dinamik. Majikan hari ini memberi penekanan kepada keupayaan **berkomunikasi secara berkesan, kerja berpasukan, penyelesaian masalah dan kecekapan membuat keputusan**. Justeru, program seperti UNI-CADE ini memainkan peranan penting sebagai platform pembelajaran berasaskan pengalaman yang membentuk mahasiswa menjadi individu yang **lebih holistik, berdaya saing dan relevan dengan keperluan industri**.

4. Pencapaian mahasiswa UiTM dalam penganjuran program seperti ini bukan lagi perkara baharu, malah telah menjadi satu budaya kecemerlangan. Mahasiswa UiTM di peringkat kampus, cawangan dan nasional secara konsisten terlibat dalam penganjuran program berskala besar merangkumi **khidmat masyarakat, kesukarelawanan, inovasi, keusahawanan, kepimpinan, sukan, e-sukan serta program antarabangsa**. Program-program ini bukan sahaja memberi manfaat kepada komuniti setempat, malah berjaya **mengharumkan nama UiTM** di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Keupayaan mahasiswa merancang, mengurus dan melaksanakan program secara profesional membuktikan bahawa UiTM bukan sekadar melahirkan graduan berilmu, tetapi juga **pemimpin muda yang berdaya saing, berdisiplin dan mampu memberi impak sebenar** kepada masyarakat dan negara.

Hadirin sekalian,

5. Saya juga ingin merakamkan **penghargaan khusus kepada Kelab Environmental Health Students Association (EHSAn)** atas keupayaan merancang, mengurus dan melaksanakan program ini dengan teratur dan berkesan. Kejayaan penganjuran ini mencerminkan tahap profesionalisme, kepimpinan serta

kesungguhan mahasiswa UiTM Kampus Bertam dalam menjayakan agenda pembangunan pelajar.

6. Kepada para peserta, saya berharap segala **pengalaman, pengajaran dan kenangan** sepanjang program ini dapat dijadikan **bekalan dalam perjalanan akademik dan kehidupan** anda. Jadikan cabaran yang ditempuhi sebagai pemangkin untuk terus memperbaiki diri, meningkatkan potensi dan membina keyakinan.

PENUTUP

7. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, izinkan saya titipkan nasihat melalui serangkap pantun:

Dibilang kata disebut adat,
Adat Melayu bersendi syarak;
Sebarang kerja patut berhemat,
Hemat laku budi berakhlak.

(*Sumber: Pantun Khazanah Melayu Riau, Terbitan DBP, 2016*)

8. Dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim**, saya dengan ini merasmikan penutupan ***Program UNI-CADE: Where The Strategy Turns Into Victory.***

Sekian, *Wabillahi Taufiq Walhidayah, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Terima kasih.